



PP00002532

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

APRIL 1994

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh

FADDLY NORDIN

bertajuk

KAJIAN KEMUNGKINAN

MENGADAKAN PUSAT INDUSTRI KECIL SAIONG

DI MUKIM SAIONG, KUALA KANGSAR.

diterima sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk
memperolehi Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah

Penyelia : EN. HJ. SUHAIMI ISMAIL

Penilai 1: ROSMIN TALIB.

Penilai 2: DABIRAH AT OMAR
(Nama)

S

| | | |
|--|-------|------------|
| TERIMA | | |
| Koordinator Kajian Akhir Jabatan Perancangan Bandar & Wilayah Kajian Seni Bina Perancangan & Ukur ITM, Shah Alam. | | |
| Tarikh: | Masa: | T. Tangan: |
| 3/5/94 | 1220 | Eg. |

**KAJIAN KEMUNGKINAN MENGADAKAN PUSAT INDUSTRI KECIL
DI MUKIM SAIONG, KUALA KANGSAR**

Oleh

FADDLY NORDIN

Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan Dan Ukur
Institut Teknologi Mara
Shah Alam

April 1994

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T, kajian akhir ini dapat disiapkan dengan sempurna mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Kajian akhir ini tidak akan dapat membawa hasil yang baik tanpa daya dan usaha yang gigih, di samping tunjuk ajar dari pensyarah yang berkenaan iaitu En. Ahmad Suhaimi Ismail yang sudi meluangkan masaanya untuk kajian ini. Di kesempatan ini, ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada beliau. Ucapan terima ini juga ditujukan kepada semua pensyarah-pensyarah di Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah ITM Shah Alam.

Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih ditujukan kepada kakitangan di Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Perak serta Perbadanan Kemajuan Negeri Perak yang telah sudi meluangkan masa untuk membantu dalam menghasilkan kajian ini.

Sekalung budi buat rakan-rakan seperjuangan yang selama ini memberikan peransang dan dorongan serta ide-ide yang bernas, terima kasih. Juga kaum keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan serta memberikan galakan selama ini terutama untuk kakak yang tersayang. Akhir kata, jasa kalian akan tetap dikenang.

FADDY NORDIN
DIPLOMA PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM.

ABSTRAK

Industrialisasi merupakan suatu proses penting di dalam pembangunan ekonomi bagi sebuah negara yang maju maupun yang sedang membangun. Ia digunakan sebagai alat untuk menyelesaikan masalah sosio dan ekonomi negara tersebut. Oleh itu pembinaan industri kecil adalah penting bagi mencapai tujuan di atas. Pembangunan dan pembinaan pusat-pusat industri kecil merupakan salah satu strategi pembangunan wilayah yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dengan menempatkan pusat-pusat industri kecil di dalam kawasan mundur dan kurang maju. Seterusnya pembangunan industri kecil dapat memainkan peranannya di dalam memperseimbangkan taraf sosio dan ekonomi penduduk dengan membuka lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan per kapita di dalam kawasan-kawasan mundur.

Di Malaysia industri kecil didefinisikan sebagai suatu perusahaan yang dijalankan dengan menggunakan pekerja sepenuh masa dan bergaji yang tidak melebihi 50 orang.

Laporan kajian ini akan membentangkan dua bahagian yang utama iaitu kajian awalan dan kajian lapangan. Dalam kajian awalan, aspek teoritikal dan aspek perancangan pusat industri kecil akan dibincangkan seperti klasifikasi industri, konsep perletakan industri, polisi serta dasar-dasar kerajaan terhadap pembangunan industri kecil.

Bagi kajian lapangan pula akan menerangkan mengenai hasil penemuan daripada penganalisaan data yang telah dijalankan dan pengenalpastian isu dan masalah semasa industri-industri kecil di dalam kawasan kajian. Strategi dan cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah-masalah yang telah dikenalpasti diterangkan di bahagian akhir laporan kajian ini.

SENARAI JADUAL

- Jadual 3.1 Peratusan Keluasan Jenis Gunatanah Kawasan Kajian
- Jadual 3.2 Jarak Dari Bandar Kuala Kangsar Dan Tapak Cadangan Pusat Industri Kecil Saiong
- Jadual 4.1 Bilangan Rumah Yang Ditemuduga
- Jadual 4.2 Umur Ketua Keluarga Mengikut Kampung
- Jadual 4.3 Peringkat Persekolahan Ketua Keluarga
- Jadual 4.4 Jenis Pekerjaan Ketua Keluarga
- Jadual 4.5 Pendapatan Ketua Keluarga
- Jadual 4.6 Jarak Ke Tempat Kerja
- Jadual 4.7 Bilangan Keluarga Yang Mempunyai Ahli Berminat Dalam Industri Kecil
- Jadual 4.8 Peringkat Penglibatan Yang Diminati
- Jadual 4.9 Bilangan Yang Berminat Menjalankan Perusahaan Di Tapak Cadangan

- Jadual 4.10 Jenis Perusahaan Yang Ingin
 Dijalankan
- Jadual 4.11 Bilangan Yang Memerlukan Pinjaman
- Jadual 4.12 Jumlah Pinjaman Yang Diperlukan
- Jadual 4.13 Bilangan Yang Berminat Menjalankan
 Perusahaan Secara Berkongsi
- Jadual 4.14 Jenis Perusahaan Yang Diminati
- Jadual 4.15 Peringkat Pekerjaan Yang Diminati
- Jadual 4.16 Pendapatan Yang Diharapkan
- Jadual 4.17 Bilangan Yang Ingin Bekerja Di
 Tapak Cadangan
- Jadual 4.18 Jumlah Perusahaan Yang Dikajiseli-
 dik Mengikut Kampung
- Jadual 4.19 Jenis Perusahaan Mengikut Kampung
- Jadual 4.20 Jenis Ruang Aktiviti Mengikut Jenis
 Perusahaan

Jadual 4.21 Jenis Aktiviti Dan Keluasan Lantai

Jadual 4.22 Taraf Hak Milik Perusahaan

Jadual 4.23 Modal Asal Memulakan Perusahaan

Jadual 4.24 Purata Nilai Jualan Setahun

Jadual 4.25 Tempoh Perusahaan Dijalankan

Jadual 4.26 Bilangan Pekerja Dan Jenis
Perusahaan

Jadual 4.27 Lokasi Bahan Mentah Diperolehi

Jadual 4.28 Pasaran Hasil Pengeluaran

Jadual 4.29 Sebab Perusahaan Dijalankan Di
Lokasi Sekarang

Jadual 4.30 Masalah-Masalah Yang Dihadapi

Jadual 4.31 Pendapat Tentang Cadangan Pusat
Industri Saiong

Jadual 4.32 Bilangan Yang Berminat Menjalankan
Perusahaan Secara Berkongsi

Jadual 4.33 Peringkat Perkongsian

| | |
|----------------|-----|
| Penghargaan | i |
| Abstrak | ii |
| Senarai Jadual | iii |

KANDUNGAN

BAB 1 Pengenalan

| | |
|------------------------|---|
| 1.0 Pendahuluan | 1 |
| 1.1 Kenyataan Masalah | 3 |
| 1.2 Matlamat Kajian | 4 |
| 1.3 Objektif Kajian | |
| 1.4 Skop Kajian | |
| 1.5 Methodologi Kajian | 5 |

BAB 2 KAJIAN ILMIAH

| | |
|--|----|
| 2.0 Pendahuluan | 8 |
| 2.1 Definisi Industri Kecil | 10 |
| 2.2 Peranan Dan Kepentingan Industrialisasi | 14 |
| 2.3 Lokasi Industri Secara Teori Dan Praktis | 16 |
| 2.4 Peranan Industri Di Dalam Proses | |
| Pembangunan Ekonomi Negara | 20 |
| 2.5 Perkembangan Industri Kecil Di Dalam | |
| Pembangunan Ekonomi Negara | 23 |
| 2.6 Polisi Am Pembangunan Industri Kecil | 26 |
| 2.7 Agensi-Agenzi Pembangunan Industri Kecil | 27 |
| 2.8 Rumusan | 28 |

| | | |
|--------------|---|-----|
| BAB 3 | KAJIAN KES | |
| 3.0 | Pengenalan | 31 |
| 3.1 | Lokasi Kawasan Kajian | |
| 3.2 | Bentuk Mukabumi Kawasan Kajian | 32 |
| 3.3 | Gunatanah Kawasan Kajian | 33 |
| 3.4 | Penduduk Dan Penempatan | 36 |
| BAB 4 | ANALISA DAN MAKLUMAT KAJISELIDIK | |
| 4.0 | Pengenalan | 38 |
| 4.1 | Kajiselidik Sosio Ekonomi | |
| 4.2 | Kajiselidik Industri Kecil | 64 |
| 4.3 | Rumusan Kajiselidik | 91 |
| BAB 5 | RUMUSAN DAN CADANGAN | |
| 5.0 | Pengenalan | 94 |
| 5.1 | Kajiselidik Sosio Ekonomi | |
| 5.2 | Kajiselidik Industri Kecil | 95 |
| 5.3 | Cadangan | 96 |
| | Penutup | 100 |

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan.

Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, tidak dapat dinafikan bahawa industri kecil memainkan peranan yang agak penting di dalam pembangunan ekonomi di Malaysia. Pembangunan dan pembinaan pusat-pusat industri kecil adalah merupakan salah satu alat yang bertujuan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru yang telah diperkenalkan oleh pihak Kerajaan pada awal tahun 1970. Dengan ini peranan penting yang dimainkan oleh industri kecil di dalam pembangunan sosio ekonomi di Malaysia haruslah dipertitik beratkan dan diper tengahkan.

Adalah tepat diperingkat ini, difahami maksud perusahaan atau industri kecil, samada dari segi definisinya yang diuraikan berdasarkan kepada jumlah bilangan pengurus, bilangan pekerja atau nilai pengeluaran yang dikeluarkan oleh sesuatu unit perusahaan kecil tersebut.

Terdapat beberapa definisi tentang perusahaan kecil yang sering digunakan di negara-negara membangun. Walau bagaimanapun di Malaysia, perusahaan kecil didefinisikan sebagai satu perusahaan atau perniagaan yang dijalankan dengan menggunakan tenaga pekerja sepenuh masa bergaji yang tidak melebihi 50 orang.

Oleh kerana peranan yang dimainkan oleh perusahaan kecil di dalam pembangunan sosio ekonomi negara adalah penting, maka agensi kerajaan telahpun memperkenalkan dan menjalankan beberapa program yang berkaitan dengan perusahaan kecil di negara ini.

1.1 Kenyataan Masalah.

- i. Kesesakan kampung-kampung tradisional akibat dari pembangunan industri kecil di dalam kampung-kampung itu sendiri yang mana taburannya adalah berselerak dan tidak teratur. Kebanyakan industri kecil yang dijalankan adalah di dalam halaman rumah sendiri yang mana mengakibatkan ketidakselesaan tempat tinggal dan secara tidak langsung mengakibatkan kawasan pemtempatan menjadi sesak.
- ii. Terdapat segelintir penduduk-penduduk kampung tradisional ini yang berminat di dalam menjalankan perusahaan kecil tetapi tidak berpeluang untuk turut serta kerana masalah-masalah tertentu seperti kekurangan modal, kemahiran atau gunatenaga.
- iii. Tiada pekelompokan industri-industri bagi meningkatkan pengeluaran serta produktiviti, fenomena ini berlaku akibat dari perletakan industri kecil sediada yang berselerak dan pola penempatannya tidak teratur.
- iv. Terdapat industri-industri kecil yang tidak dapat berfungsi dengan sepenuhnya dan kurang berdaya maju, ini kerana industri-industri ini mengalami beberapa masalah seperti sukar untuk mendapatkan bahan mentah, kekurangan gunatenaga serta tiada motivasi untuk memajukan perusahaan.

v. Pasaran bagi keluaran industri-industri kecil ini adalah terhad akibat dari masalah kemudahsampaian dan tiada kemudahan kenderaan untuk mengangkut barang untuk dipasarkan.

1.3 Tujuan Kajian.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengaji sebarang kemungkinan di dalam mengadakan sebuah pusat industri kecil bagi kampung-kampung tradisional di Mukim Saiong, Kuala Kangsar, Perak.

1.4 Objektif Kajian.

Beberapa objektif telah dikenalpasti di dalam menjayakan kajian ini, di antaranya:

- i. Mengenalpasti isu dan masalah industri-industri kecil yang sediada.
- ii. Mengkaji keberkesanan industri-industri kecil sediada.
- iii. Mengaji potensi industri-industri kecil sediada.
- iv. Mengkaji maklumbalas dari masyarakat kampung-kampung tradisional di dalam kawasan kajian terhadap pusat industri kecil yang akan dicadangkan.

1.5 Skop Kajian.

- i. Kajian sosio ekonomi penduduk di dalam kawasan kajian.
- ii. Kajiselidik pendapat dan maklumbalas dari penduduk-penduduk kampung tentang pusat industri kecil yang akan dicadangkan.
- iii. Kajiselidik mengenai industri-industri kecil sediada bagi kampung-kampung tradisional di dalam kawasan kajian.
- iv. Kajian gunatanah sediada di dalam kawasan kajian.

1.6 Methodologi Kajian.

Methodologi bagi kajian ini terbahagi kepada 4 peringkat utama iaitu :

Peringkat 1 : Pengenalan dan pendekatan kajian, iaitu ,merumus tujuan kajian, objektif serta cartalir kerja dan penyataan masalah.


Peringkat 2 : Untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan kajian ini beberapa kajiselidik akan dijalankan, setiap kajiselidik mempunyai kaedah, ciri-ciri serta saiz sampel yang tertentu. Kajiselidik yang akan dijalankan adalah :

- a. Kajiselidik sosio ekonomi penduduk.
- b. Kajiselidik industri-industri kecil sediada.
- c. Kajiselidik gunatanah sediada.
- d. Pengumpulan data-data sekunder dari agensi-agensi kerajaan dan swasta yang terlibat.

Peringkat 3 : Penemuan kajian hasil dari kajiselidik .lm21 -kajiselidik yang telah dijalankan bagi mengenalpasti isu dan masalah.

Peringkat 4 : Merumuskan cadangan atau pembentukan strategi, berdasarkan analisa semasa dan aspek-aspek dari peringkat ke dua.

Rajah 1.0 Carta Aliran Kerja



Jadual 1.1: Jadual Kerja

| BULAN | OKT | | | | NOV | | | | DIS | | | | JAN | | | | FEB | | | | MAC | | | | APR | | | |
|---------------------|-----|---|---|---|-----|---|---|---|-----|---|---|---|-----|---|---|---|-----|---|---|---|-----|---|---|---|-----|---|---|---|
| PERKARA/MINGGU | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 |
| Kelulusan Tajuk | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Kajian Limih | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Kertas Soal Selidik | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Tinjauan Ke Tapak | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Temubual | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Analisa Data | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Penemuan | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Ibu Dan Masalah | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Cadangan | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Draf Laporan | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Pindran | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Kelulusan Draf | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Semakan Draf | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Laporan Akhir | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Scanning Laporan | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

Sumber : Kajian Akhir

BAB 2

KAJIAN ILMIAH

2.1 Pengenalan.

Perindustrian adalah nadi kemajuan bagi sesebuah negara kerana ia memainkan peranan yang penting di dalam proses pembangunan ekonomi. Ini adalah benar berdasarkan dari kajian-kajian yang telah dijalankan seperti kajian Kumete (S. Kumete 1966) yang berdasarkan kepada data-data mengenai pertumbuhan ekonomi di negara-negara Barat sejak 2 abad yang lalu. Ia mendapati bahawa taraf kehidupan masyarakat meningkat dengan peningkatan pembangunan ekonomi di mana menunjukkan sektor industrinya juga bertambah.

Jika dilihat pada taraf kemajuan di beberapa buah negara di dunia pada masa kini, ternyata kebanyakan negara ini maju disebabkan sistem ekonominya tetumpu kepada perindustrian. Sebagai contohnya Jepun, United Kingdom dan lain-lain negara yang maju.

Walau bagaimanapun, di kebanyakan negeri-negeri yang sedang membangun sektor perindustrian telah mula diberikan perhatian utama. Berbagai polisi telah ditetapkan untuk mencapai matlamat tersebut, menerusi pembangunan infrastruktur, galakan-galakan fizikal dan lain-lain lagi. Sungguhpun kebanyakan dari negara-negara tersebut masih bergantung pada pertanian, namun berbagai aktiviti perindustrian dapat dijalankan berdasarkan kepada hasil-hasil pertanian.

Bahagian 1 bab ini akan membentangkan beberapa definisi industri kecil bagi menentukan saiz sesuatu industri kecil.

Bahagian ke dua akan mengkaji mengenai teori perletakan industri secara ringkas dan konsep yang berkaitan dengan pembangunan wilayah.

Bahagian akhir pula akan menjelaskan peranan yang dapat dimainkan oleh induatri kecil di dalam sesuatu proses pembangunan ekonomi di dalam sesebuah negara.

2.2 Definisi Industri Kecil.

Terdapat berbagai definisi yang digunakan bagi menentukan saiz sesuatu industri kecil.

" Trying to define what is a small firm with precision and exactitude is a fruitless task "

-- Philip Clarke

Dalam satu kajian yang telah dijalankan di tujuh puluh lima buah negara mengenai industri kecil, sebanyak 50 definisi yang berlainan digunakan.

-- An internasional Compilation of small scale Industrial definitions, (Industrial Development Division, Engineering Experiment Station, Georgia Institut of Technology, Atlanta, Georgia, USA 1975)

Maka jelaslah tiada satu definisi yang digunakan adalah lengkap dan menyeluruh, ianya bergantung pada persepsi individu, skop dan tujuan kajian.

" Small enterprise has been statutorilly define in many countries by various bodies and acts connected with small industry development "

-- S.V.S Sharma

Badan Kewangan dan Jururancang menetapkan saiz perusahaan kecil berdasarkan kepada 'fixed asset' atau 'net worth' Pejabat Buruh kepada jumlah pekerja yang dapat diujudkan, pengusaha kepada jumlah hasil pengeluaran atau jumlah tenaga kerja dan teknologi yang digunakan.

Oleh yang demikian saiz sesuatu perusahaan kecil didefinisikan berdasarkan kepada 2 faktor iaitu :

- i. Faktor Kualitatif
- ii. Faktor Kuantitatif dan Fungsinya

Faktor Kuantitatif adalah untuk mengukur jumlah pekerja dan pekerja yang dapat diujudkan, jumlah hasil pengeluaran dan kapita yang digunakan.

Faktor Kualitatif pula adalah cara pengurusan perusahaan, penggunaan alat-alat moden dan fungsi badan itu.

Di Malaysia definisi dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah merupakan perusahaan yang ditumpukan kepada pertubuhan-pertubuhan perindustrian yang mempunyai modal sebanyak RM \$250 000 dan pekerja tidak melebihi 25 orang.

Kebanyakan jabatan-jabatan kerajaan lain seperti MIDA, MIDF dan MARA telah menjalankan tugas jabatan-jabatan berkenaan dengan perusahaan kecil dengan berdasarkan kepada takrif yang telah ditetapkan oleh kementerian tersebut. Walau bagaimanapun Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan garis panduan bagi membebaskan jenis industri kepada 3 bahagian utama mengikut darjah pencemaran dan lokasi perletakannya.

Pembangunan industri di Malaysia, merupakan salah satu strategi pembangunan wilayah yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dan menempatkan industri di kawasan mundur dan kawasan pertumbuhan baru.

Di antara matlamat pembangunan industri :

- i. memastikan pembangunan perindustrian diselaraskan, dikawal dan bersistematik.
- ii. memastikan penyertaan industri adalah saksama di antara kawasan mundur dan kawasan maju.
- iii. meujudkan perkembangan kegiatan ekonomi sekitar kawasan perindustrian dan kawasan pertumbuhan yang baru melalui limpahan (spillover) dan kesan pendaraban (multiplier effects) daripada pertumbuhan industri-industri di kawasan-kawasan itu.
- iv. memberi peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar dan mengurangkan penghijrahan ke bandar-bandar.

Maka pembangunan perindustrian haruslah dilaksanakan bagi menjaminkan lagi sektor ini. Bagi negara-negara yang sedang membangun kawalan ini diserahkan kepada pihak-pihak berkuasa tertentu.

2.2.1 Klasifikasi Industri Kecil.

Peranan industri dalam membantu pembangunan sosio ekonomi negara adalah dengan menghasilkan hasil-hasil pengeluaran dan kemudian dipasarkan. Jenis yang telah dikenalpasti, berdasarkan kajian bank dunia :

- i. pemprosesan
- ii. penyejukan ikan
- iii. membuat kasut kulit
- iv. membuat pasu
- v. alat-alat gantian dan sebagainya

Klasifikasi :

- i. industri kampung (petty industries)
- ii. industri kecil (5-49 pekerja)
- iii. industri sederhana dan (50-109 atau lebih dari 200 orang pekerja)